

*Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(2)(2018): 81-90  
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.02-08>

## Ke Arah Kebolehpasaran Graduan: Pertalian Antara Pendekatan Pembelajaran dengan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar IPT Berteraskan Islam (Towards Graduate Employability: Relations between Learning Approaches and Soft Skills Among Students from Islamic-based HEIs)

SHARIFAH AZIZAH SYED SAHIL\* & HASLINAWATI HASSAN

### ABSTRAK

*Kajian yang dijalankan ini bermatlamat untuk menilai sejauh mana kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar di dua buah IPT berteraskan Islam di Malaysia selain melihat sejauh manakah pendekatan pelajaran pelajar menyumbang kepada kemahiran insaniah setelah dikawal faktor gender. Mengambil pendekatan kuantitatif dan kaedah tinjauan, kajian telah mengadaptasi instrumen Revised Approaches to Studying Inventory (RASI) (Duff, 1997) untuk mengukur jenis-jenis pendekatan pembelajaran yang diguna oleh pelajar. Kajian juga mengadaptasi instrumen Course Experience Questionnaire (CEQ) (Wilson & Lizzion, 1997) untuk mengukur kemahiran insaniah selain item soalan yang dibina sendiri oleh pengkaji. Seramai 233 orang pelajar jurusan Pengajian Islam pelbagai cabang telah mengambil bahagian di dalam kajian ini. Menggunakan persampelan bertujuan, responden terdiri daripada pelajar tahun akhir sahaja. Berdasarkan analisis model persamaan berstruktur, data kajian menunjukkan wujudnya hubungan yang positif antara pendekatan pembelajaran berstrategi dengan kemahiran insaniah. Walau bagaimanapun, terdapat hubungan yang signifikan negatif antara pendekatan luaran dengan kemahiran insaniah. Hasil kajian juga menunjukkan terdapatnya perbezaan pendekatan pembelajaran dan kemahiran insaniah berdasarkan gender. Kemahiran insaniah pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Dapatan kajian menyokong model 3Ps Biggs yang menunjukkan kepentingan proses (pendekatan pembelajaran) ke atas hasil pembelajaran (kemahiran insaniah). Beberapa implikasi kajian juga dibincangkan khususnya dalam konteks kemahiran insaniah agar kebolehpasaran pelajar disiplin Pengajian Islam dapat ditingkatkan.*

*Kata kunci:* Pendekatan pembelajaran; kemahiran insaniah; kebolehpasaran graduan; IPT berteraskan Islam

### ABSTRACT

*The present study is aimed at assessing the levels of soft skills amongst students from Islamic-based higher learning institutions (HEIs) besides examining how learning approaches are related to their soft skills after controlling for gender effect. Adopting a quantitative approach and utilizing survey method, the study made use of the Revised Approaches to Studying Inventory (RASI) (Duff, 1997) to assess the types of learning approaches embraced by the students. The study also adapted the Course Experience Questionnaire (CEQ) (Wilson & Lizzion, 1997) to measure students' soft skills and added self-made items to the instrument. A total of 233 respondents participated in the study. They comprised students from two Islamic-based institutions of higher learning in Peninsular Malaysia. Purposive sampling was utilized in which only final year students were randomly selected. Using structural equation modeling, the results revealed a positive significant relation between strategic approach and soft skills. However, surface approach is negatively related to soft skills. There exist differences in learning approaches and soft skills by gender. Boys outperformed girls in terms of the level of soft skills. The findings are in support of Biggs' 3Ps model on the significance of process (learning approaches) on learning outcome (students' soft skills). A number of implications of the study are being discussed in relation to softskills so as to escalate students' employability, particularly those from Islamic studies disciplines.*

*Keywords:* Soft skills, learning approaches, Islamic-based higher learning institutions, graduate employability

### PENGENALAN

Apabila membicarakan isu yang bersangkutan kemahiran insaniah, masalah kebolehpasaran graduan seringkali dikaitkan bersama. Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (hasil daripada dapatan tinjauan Graduate Tracking Survey 2016)

menunjukkan daripada seramai 224,575 orang graduan yang mengambil bahagian di dalam tinjauan tersebut, 9053 orang masih menunggu penempatan pekerjaan manakala 51,247 orang belum mendapat pekerjaan (New Straits Times, 2016). Walaupun kadar kebolehpasaran telah meningkat daripada 76.1% dalam tahun 2015 kepada 77.2% dalam tahun 2016 (peningkatan sebanyak

1.1%), hakikatnya ialah banyak yang perlu dilakukan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) dan KPT untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. Hal ini kerana institusi pengajian tinggi seharusnya berperanan untuk menghasilkan graduan yang berkemahiran dan berpengetahuan sekaligus dapat berfungsi dengan bimbingan yang minimal.

Antara faktor-faktor yang telah dikenalpasti yang boleh menjejaskan kebolehpasaran graduan ialah faktor yang berkait-rapat dengan kemahiran insaniah (Nurita, Fatimah, Noor Akmar & Hanifah, 2010) – antara lain kebolehan berkomunikasi terutama komunikasi dalam bahasa Inggeris (Gurvinder Kaur & Sharan Kaur, 2008); pengalaman (Mohammad, Zurina & Nursilah, 2007); serta kemahiran pemikiran kritis dan kreatif (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2012). Kajian yang dijalankan oleh Ab Rahim, Shamsiah dan Ivan (2007) mendedahkan faktor kemahiran insaniah yang dicari oleh majikan merangkumi tiga aspek iaitu kemahiran komunikasi, interpersonal dan kepimpinan dan kerja berpasukan. Dengan kata lain, semakin kurang pemilikan aspek yang dinyatakan ini, semakin tipis untuk graduan mendapat pekerjaan.

#### KEMAHIRAN INSANIAH

Kemahiran Insaniah atau kadangkala disebut sebagai kemahiran generik merupakan satu kemahiran yang sukar dilatih atau diajari tetapi sangat diperlukan dalam alam pekerjaan. Kemahiran Insaniah mula diberi perhatian serius oleh KPT apabila terlaksananya Malaysian Qualification Framework (MQF) (Sharifah Hapsah, 2006). MQF telah menggariskan lapan bidang hasil pembelajaran seperti berikut: (1) pengetahuan, (2) kemahiran praktikal, (3) kemahiran dan tanggungjawab sosial, (4) etika, moral dan profesionalisme, (5) kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan, (6) kemahiran pemikiran kritis, menyelesaikan masalah dan kemahiran saintifik, (7) pengurusan maklumat dan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan (8) kemahiran mengurus dan keusahawanan. Walau bagaimanapun, daripada lapan hasil pembelajaran yang disenaraikan, hanya dua bidang yang berkait rapat dengan pencapaian akademik, iaitu pengetahuan dan kemahiran praktikal (Nabilah, 2012). Terdapat juga kajian-kajian yang mengaitkan isu graduan kekurangan kemahiran insaniah sebahagiannya hasil daripada gaya hafalan (*rote learning*) yang digunakan oleh pelajar. Kebanyakan para pelajar ini terdedah kepada tekanan yang diwujudkan oleh ibubapa, rakan sekelas dan sekolah untuk berjaya cemerlang di dalam peperiksaan awam (Rahimah, 1998; Zaiton & Hishamuddin, 2012). Fung (2010) yang mengkaji pelajar sekolah menengah dan siswa universiti menggambarkan responden yang dikaji beliau sebagai pelajar yang tidak biasa dengan pendekatan dalaman dan banyak menghafal fakta. Akibatnya, para pelajar seumpama ini gagal menjana minda inkuisitif dan kemahiran analitikal sebagai hasil daripada keberadaan mereka di pusat tuisyen atau kelas tambahan yang diadakan sepanjang tahun.

Secara tradisinya, para sarjana psikologi dan pendidik beranggapan bahawa kecemerlangan seorang pelajar itu disebabkan oleh perbezaan yang terdapat di dalam individu, iaitu pelajar itu sendiri. Walaupun perbezaan individu dalam kecemerlangan akademik itu penting, para pengkaji telah mula meneliti faktor-faktor lain seperti konsep sendiri, keyakinan diri atau harga diri (Kwok & Lytton, 1996; Mboya, 1993), motivasi pembelajaran (Dev, 1997); pendekatan pengajaran (Stipek, Feiler, Daniels, & Milburn, 1995); stail pembelajaran dan pemikiran (Holland, 1973; Kolb, 1973; Sternberg, 1988) dan banyak lagi. Kajian ini menjurus kepada faktor-faktor yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, khususnya pendekatan pembelajaran.

Kajian yang dijalankan ini turut memfokuskan kepada pelajar-pelajar disiplin Pengajian Islam seperti Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab dan Pengajian al Quran daripada IPT berteraskan Islam. Terdapat dua faktor yang mendorong kepada pemilihan ini. Pertama pelajar-pelajar daripada bidang Pengajian Islam dikatakan mempunyai kadar kebolehpasaran yang rendah berbanding disiplin pengajian yang lain dalam bidang Sains Sosial. Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2016 (Kementerian Pengajian Tinggi) menunjukkan seramai masing-masing 44.4% dan 40.4% graduan Pengajian Islam di Institusi Pengajian Swasta (IPITS) dan Universiti awam (UA) masih belum bekerja berbanding bidang-bidang lain seperti Undang-undang (10%), Pengurusan sumber manusia (22.2%), Pelancongan (29.8%) dan Ekonomi (34.8%), sekadar menyebut beberapa. Kedua, rata-rata pelajar daripada aliran agama dikatakan banyak menggunakan teknik hafalan dalam pelajaran sebagai akibat daripada penggunaan teknik instruksional guru (Rosnani, 2004). Kebanyakan guru-guru di sekolah aliran agama dikatakan menggunakan teknik syarahan iaitu memberi penerangan secara oral dan jarang menggunakan strategi instruksional berbantuan teknologi dalam pengajaran mereka. Akibatnya, pelajar yang terdedah kepada kesan instruksional sebegini akan terikut dengan gaya hafalan (Zaiton & Hishamuddin, 2012). Walaupun perkaitan di antara pendekatan pembelajaran dengan pencapaian akademik boleh dikatakan agak mapan (Chamorro-Premuzic & Furnham, 2008; Duff, Boyle, Dunleavy & Ferguson, 2004; Fenollar, Roman & Cuestas, 2007) dan terdapat juga sarjana yang telah mengaitkan pengajaran berbantuan pelajar dengan kemahiran generik (Lizzio et. al, 2002), tiada kajian yang melihat kaitan antara pendekatan pembelajaran (ketiga-tiga pendekatan dalam satu) dengan kemahiran insaniah di institusi berlatarbelakangkan Islam secara khusus.

#### PENDEKATAN PEMBELAJARAN

Seperti yang dinyatakan di atas, salah satu faktor yang menjadi fokus kepada kajian ini adalah faktor pendekatan pembelajaran. Pelopor kajian pendekatan pembelajaran seperti Biggs (1987), Entwistle (2000) dan Marton dan

Saljo (1976) menegaskan pendekatan pembelajaran pelajar berbeza-beza daripada sudut niat, sama ada wujud atau tidak wujud niat untuk memahami sesuatu yang dipelajari. Pengkaji terdahulu seperti Craik dan Lockhart (1972) dan Marton (1976) telah mengenal pasti dua jenis pendekatan pembelajaran. Menurut Craik dan Lockhart (1972), apabila seorang pelajar terlibat dalam pembelajaran, beliau akan menggunakan pendekatan dalaman iaitu pendekatan yang melibatkan pemahaman yang mendalam tentang apa yang diajar. Strategi ini menjurus kepada mendalami butiran apa yang dipelajari secara terperinci dengan niat untuk memahami. Sebaliknya, pendekatan yang kedua iaitu pendekatan luaran berkait rapat dengan penghasilan semula apa yang telah diajari dengan usaha semimumimum mungkin. Mereka yang menggunakan strategi luaran sebenarnya bermotivasi ekstrinsik dengan menghafal apa yang perlu yang mengakibatkan pelajar tersebut tidak memahami maksud dan implikasi terhadap apa yang sudah diajar kepada mereka. Kajian oleh Mayya, Rao, dan Ramnarayana (2014) misalnya, yang menjalankan kajian di Belgium mendapati terdapat hubungan yang songsang di antara pendekatan luaran dan prestasi akademik. Walau bagaimanapun, Biggs (1987, 1992) dan Entwistle dan Ramsden (1983) telah mengenal pasti pendekatan ketiga yang dinamakan sebagai pendekatan mencapai (*achieving*) atau berstrategi di mana pelajar menggunakan strategi yang akan membantunya mendapat gred yang baik. Idealnya, pendekatan dalaman yang sepatutnya diguna oleh pelajar di peringkat tertiar (Duff, 2015), namun hakikatnya tidak semua pelajar yang mempraktikkan pendekatan dalaman memperolehi gred yang baik (Nabilah, 2012).

Biggs (1979) telah mengemukakan model pengajaran pembelajaran di dalam bilik darjah yang diadaptasikan daripada Dunkin dan Bridle (1974) iaitu model *Presage, Process, Product*. Menurut Biggs (1979) lagi, *Presage* (Petanda) merangkumi pengalaman pelajar sebelum proses pembelajaran bermula. Proses pula berhubung dengan strategi yang digunakan ketika pembelajaran berlangsung manakala produk mencakupi hasil yang diperolehi setelah pembelajaran berlaku. Di dalam kajian ini, pengkaji hanya menghubungkan proses dengan hasil pembelajaran.

Banyak kajian yang telah dijalankan mengaitkan pendekatan pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar antaranya Chamorro-Premuzic dan Furnham (2008); Duff, Boyle, Dunleavy dan Ferguson (2004); Fenollar, Roman dan Cuestas (2007) dan kajian-kajian ini mendapati pendekatan dalaman berhubungan secara positif dengan pencapaian akademik. Namun, tidak banyak kajian empirikal yang melihat perkaitan di antara pendekatan pembelajaran dengan kemahiran insaniah. Kajian oleh Hussain, Berhannudin, Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, dan Abdullah (2008) misalnya mengkaji kesan pengajaran dan pembelajaran (*P & P*) yang berasaskan masalah atau lebih dikenali *Problem Based Learning* (*PBL*) dan mendapati pelajar dapat menguasai beberapa kemahiran

insaniah sebagai hasil daripada pembelajaran berpusatkan pelajar. Menurut Ramsden (1992), penggunaan *P & P* berasaskan masalah boleh menggalakkan pendekatan pembelajaran dalaman.

#### PERBEZAAN GENDER

Pendekatan pembelajaran pelajar lelaki dan perempuan dikatakan berbeza (Ebel, 1999; Nobel, Brown, & Murphy, 2001; Gurian & Stevens, 2004). Namun, dapatan kajian yang melihat daripada sudut perbezaan gender masih tidak konsisten. Sorotan karya lalu menunjukkan terdapat kajian yang telah mendedahkan pelajar yang kerap menggunakan pendekatan luaran adalah pelajar perempuan (Byrne et al., 2002; Hassal & Joyce, 2001; Jones & Hassal, 1997) walaupun ada juga kajian yang memperlihatkan pelajar lelaki mengungguli pelajar perempuan berhubung pendekatan luaran (Koh & Koh, 1999). Analisis perbandingan oleh Ambreen dan Nawaz (2017) pula menunjukkan tiada perbezaan pendekatan pembelajaran dalaman antara pelajar lelaki dan perempuan di dua buah Universiti di Pakistan manakala kajian-kajian oleh Ahmed, Ahmed, Waheed, Shoaib dan Khan (2014) serta Lie dan Angelique (2004) menunjukkan pelajar lelaki lebih menggunakan pendekatan dalaman berbanding pelajar perempuan. Kepelbagaian dapatan kajian ini mungkin dapat dijelaskan oleh analisis meta oleh Severians dan Dam (1994) ke atas 26 kajian pendekatan dalaman dan luaran. Menurut Severians dan Dam (1994), pelajar perempuan belajar sekadar untuk belajar (*learn for the sake of learning*) dengan menghasilkan semula apa yang dipelajari manakala pelajar lelaki pula menyukai konseptualisasi abstrak dalam pembelajaran.

Perbezaan gender juga dapat dilihat dari sudut kemahiran insaniah. Pelajar lelaki dikatakan mempunyai kemahiran insaniah yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Satu kajian nasional berskala besar (Abdul Malek, Nabilah, Abdul Malek, Sidek, Wan Marzuki, Joharry, Lihanna, Jamaludin, & Hamdan 2012) melibatkan 10,140 orang pelajar di kedua-dua IPT awam dan swasta di Malaysia memperlihatkan kemahiran insaniah yang diungguli memihak kepada pelajar lelaki dalam kesemua kemahiran insaniah kecuali kemahiran kerja berpasukan serta moral dan etika profesional. Abdul Malek et al. (2012) mengaitkan perkara ini dengan sikap pelajar lelaki yang lebih individualistik dan agresif yang menyebabkan mereka agak terkebelakang dengan kemahiran kerja berpasukan berbanding pelajar perempuan. Kajian oleh Kamarul, Farah, Hasnah, Manoriza dan Zairiniah (2017) yang mengkaji kemahiran generik dalam kalangan guru pelatih pula sebaliknya mendapati pelajar perempuan lebih tinggi kemahiran generik daripada kaum lelaki. Kajian oleh Mohd Hasril, Isma Atiqah, Fathin Liyana, Norhayati (2016) walau bagaimanapun, memperlihatkan ketidaksignifikanan perbezaan lima kemahiran generik yang dikaji mereka seperti kemahiran komunikasi,

kepimpinan, kerja berkumpulan, menyelesaikan masalah serta kemahiran etika dan professional.

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif seperti berikut: i) mengenal pasti tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar IPT Islam, ii) mengenal pasti jenis pendekatan pembelajaran utama dalam kalangan pelajar, iii) mengenal pasti kaitan antara pendekatan pembelajaran (dalaman, luaran, berstrategi) dengan kemahiran insaniah, iv) membezakan pendekatan pembelajaran yang digunakan pelajar (dalaman, luaran, berstrategi) dan kemahiran insaniah berdasarkan gender, dan v) mengenal pasti hubungan struktural antara pendekatan pembelajaran (dalaman, luaran, berstrategi) dengan kemahiran insaniah setelah dikawal faktor gender.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebuah kajian keratan rentas berbentuk tinjauan yang dijalankan ke atas para pelajar dua buah institusi pengajian tinggi (IPT) berteraskan Islam di Semenanjung Malaysia. Pemilihan IPT berteraskan Islam dibuat kerana ada pihak-pihak tertentu yang mempertikaikan kebolehpasaran pelajar Pengajian Islam sebagai hasil daripada persepsi negatif terhadap graduan bidang pengajian Islam yang seringkali dirujuk sebagai ustaz dan ustazah yang hanya boleh diketengahkan dalam bidang-bidang yang berunsur ritual dan keagamaan (Razali, 2009). Justeru itu, kajian ini menguji tahap kemahiran insaniah dalam kalangan kelompok pelajar ini selain menilai jenis pendekatan pembelajaran yang dimiliki oleh mereka. Seramai 233 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar dari pelbagai fakulti seperti Usuluddin, Syariah, Bahasa Arab dan Pengajian al Quran. Dengan menggunakan persampelan bertujuan, kutipan data dibuat ke atas pelajar tahun akhir sahaja. Ini disebabkan pengkaji ingin menilai tahap kemahiran insaniah pelajar-pelajar setelah berada lebih daripada tiga tahun di IPT masing-masing.

Bagi kemahiran insaniah, instrumen yang digunakan ialah instrumen yang diadaptasi daripada Course Experience Questionnaire (CEQ) (Wilson & Lizzio, 1997). Daripada 15 item yang digunakan, sebanyak 6 item diadaptasi daripada CEQ manakala 9 item dibina oleh penyelidik. Contoh kemahiran yang cuba dicungkil ialah kemahiran menyelesaikan masalah, membuat analisis, kerja berpasukan, keyakinan menangani masalah baru, komunikasi penulisan dan merancang kerja. Contoh item yang menguji kemahiran insaniah ialah "Saya boleh mengamalkan sikap beretika. Skor yang tinggi menunjukkan kemahiran yang tinggi. Kajian terdahulu melaporkan nilai kebolehpercayaan bagi 6 item ialah 0.79 (Wilson & Lizzio, 1997) dan 0.82 (Richardson, Dawson, Sadlo, Jenkins & McInnes, 2007). Bagi pendekatan dalaman, luaran dan berstrategi, Revised Approaches to Studying Inventory (RASI) (Duff, 1997) telah digunakan. Instrumen ini mengandungi 30 item yang masing-masing menguji 10

pendekatan luaran, dalaman dan berstrategi. Pemilihan instrumen ini dibuat kerana instrumen ini mengukur ketiga-tiga pendekatan dalam satu. Dalam kedua-dua instrumen iaitu Kemahiran Insaniah dan Pendekatan Pembelajaran, tiada item yang mempunyai pernyataan negatif. Respon pelajar kepada semua item dalam konstruk yang dikaji menggunakan skala Likert 5 poin.

Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 22.0 dan Analysis of Moment Structures (AMOS) versi 20.0 merupakan dua perisian yang dipilih dalam penganalisan data. Pengimbasan data telah dijalankan bagi menyemak proses kemasukan data yang tepat dan betul. Ujian kebolehpercayaan instrumen juga telah dilaksanakan dan kesemua konstruk memperoleh nilai alpha Cronbach yang sangat baik iaitu melebihi 0.70 seperti yang dianjurkan oleh Hair, Black, Babin, Anderson dan Tatham (2006). Ujian psikometrik ke atas instrumen kajian telah dikenalpasti apabila kesemua pembolehubah kajian dimasukkan ke dalam analisis konfirmatori bagi menguji model pengukuran iaitu hubungan antara indikator dengan pemboleh ubah laten (Brown, 2006; Schumacker & Lomax, 1996). Bagi model pengukuran kemahiran insaniah dan pendekatan pembelajaran, pengkaji telah menggabungkan beberapa item yang dilakukan secara rawak seperti yang dianjurkan oleh Bandalos (2002). Sebagai contoh bagi konstruk kemahiran insaniah yang pada asalnya mempunyai 15 item telah digabung secara rawak untuk menjadikannya hanya tiga berkas. Perkara yang sama telah dilakukan ke atas konstruk pendekatan pembelajaran dalaman, luaran dan berstrategi. Penelitian ke atas anggaran parameter menunjukkan indikator-indikator mempunyai pemberat faktor yang signifikan pada aras  $p < .001$  dan ini mengesahkan hubungan indikator dengan konstruk laten yang diukur. Hasil analisis menunjukkan model pengukuran bagi setiap pembolehubah kajian bersepadanan setelah meneliti antara model dan data iaitu nilai  $\chi^2/df = 2.156$ , RMSEA = .071 (kurang daripada .08) (Browne & Cudeck, 1993), RMR = .021 (kurang daripada .08) (Brown, 2006; Hu & Bentler, 1999), GFI = 0.929 dan CFI = .900 (lebih besar daripada .90) (Bentler, 1990). Penelitian ke atas anggaran parameter menunjukkan kesemua indikator mempunyai pemberat faktor yang signifikan pada aras  $p < .001$  dan ini mengesahkan hubungan antara indikator dengan faktor yang diukur.

## DAPATAN KAJIAN

### TAHAP KEMAHIRAN INSANIAH

Analisis deskriptif telah dijalankan bagi mengenal pasti tahap kemahiran insaniah dalam kalangan responden yang dikaji. Kajian menunjukkan tahap kemahiran insaniah berada pada paras sederhana ( $M = 3.28$ ;  $SP = 0.42$ ). Jadual 1 mempamerkan tahap kemahiran insaniah bagi keseluruhan responden kajian dan juga berdasarkan gender. Responden

lelaki didapati memperolehi tahap kemahiran insaniah yang lebih tinggi berbanding responden perempuan.

JADUAL 1. Tahap Kemahiran Insaniah

Pembolehubah	Min	Sisihan piawai	Tahap
Kemahiran Insaniah (KI) : keseluruhan	3.28	0.42	sederhana
KI (Lelaki)	3.36	0.46	sederhana
KI (perempuan)	3.22	0.39	sederhana

#### PENDEKATAN PEMBELAJARAN

Analisis deskriptif menunjukkan pendekatan pembelajaran yang dominan dalam kalangan pelajar ialah pendekatan dalaman diikuti oleh pendekatan berstrategi dan pendekatan luaran. Jadual 2 mempamerkan hasil analisis deskriptif min dan sisihan piawai bagi setiap pembolehubah kajian.

#### *Perkaitan antara Pendekatan Pembelajaran (Dalaman, Luaran dan Berstrategi) dengan Kemahiran Insaniah*

Untuk melihat perkaitan antara pendekatan pembelajaran dengan kemahiran insaniah, pengkaji menggunakan analisis korelasi yang memperbaiki ralat pengukuran (disattenuated correlation) yang dikira menggunakan perisian AMOS versi 20.0. Hasil analisis menunjukkan kesemua pendekatan pembelajaran (dalaman, luaran dan berstrategi) mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran insaniah. Namun pendekatan luaran mempunyai hubungan yang signifikan negatif dengan kemahiran insaniah ( $r = -0.27$ ;  $p < 0.05$ ). Kajian juga menunjukkan hubungan yang kuat antara pendekatan berstrategi dengan kemahiran insaniah ( $r = 0.71$ ;  $p < 0.05$ ) diikuti oleh pendekatan dalaman dengan kemahiran insaniah ( $r = 0.35$ ;  $p < 0.05$ ). Kesemua pekali korelasi adalah lebih besar daripada .00 dan kurang daripada .90 dan ini menunjukkan tidak terdapat kes multikolineariti dan singulariti antara kesemua pemboleh ubah laten tersebut (Tabachnick & Fidell 2007). Hasil analisis juga ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Min dan Korelasi Disattenuated antara pemboleh ubah kajian

	Min	Sisihan Piawai	1	2	3	4
Pendekatan luaran	3.59	0.51	1.00			
Pendekatan dalaman	3.73	0.41	-0.01	1.00		
Pendekatan berstrategi	3.66	0.45	-0.15	0.62***	1.00	
Kemahiran insaniah	3.28	0.39	-0.27**	0.35**	0.71***	1.00

Nota: \* $p < 0.05$ ; \*\* $p < 0.01$ ; \*\*\* $p < 0.001$

#### *Perbezaan Pendekatan Pembelajaran (Dalaman, Luaran, Berstrategi) dan Kemahiran Insaniah Berdasarkan Gender*

Untuk menganalisis kedua-dua konstruk kajian berdasarkan gender, analisis multivariat digunakan untuk mengurangkan ralat Type 1 yang menolak hipotesis nul yang benar. Terdapat kesan utama terhadap gender (Wilks  $\lambda = .89$ ;  $t(4,228) = 6.61$ ;  $p < 0.001$ ;  $\eta = 0.00$ ).

Daripada analisis multivariat yang telah dijalankan ke atas data kajian menunjukkan min pendekatan pembelajaran dalaman, luaran dan berstrategi adalah seperti dalam Jadual 3. Bagi pendekatan luaran, pelajar perempuan ( $M = 3.68$ ;  $SP = 0.49$ ) lebih tinggi daripada pelajar lelaki ( $M = 3.45$ ;  $SP = 0.55$ ) secara signifikan  $p < 0.05$ . Bagi pendekatan pembelajaran dalaman, pelajar lelaki ( $M = 3.80$ ;  $SP = 0.36$ ) lebih tinggi daripada pelajar perempuan ( $M = 3.69$ ;  $SP = 0.43$ ) manakala bagi pendekatan berstrategi pula, tidak terdapat perbezaan secara signifikan berdasarkan gender. Ini bermaksud kedua-dua gender menggunakan pendekatan berstrategi secara sama rata. Jadual 3 membentangkan keputusan analisis multivariat seperti yang dibincangkan.

Untuk menganalisis perbezaan kemahiran insaniah berdasarkan gender, analisis yang sama (MANOVA) digunakan dan ditunjukkan dalam Jadual 3. Tahap kemahiran insaniah pelajar lelaki ( $M = 3.36$ ;  $SP = 0.46$ )

JADUAL 3. Analisis Multivariat (MANOVA) bagi pemboleh kajian

Pembolehubah	Gender	Min	Sisihan Piawai	F	p	$\eta^2$
1. Pendekatan dalaman	Lelaki	3.80	0.36	4.64	0.03*	0.015
	Perempuan	3.69	0.43			
2. Pendekatan luaran	Lelaki	3.45	0.55	11.33	0.001***	0.04
	Perempuan	3.68	0.49			
3. Pendekatan berstrategi	Lelaki	3.63	0.46	0.58	0.45	-0.002
	Perempuan	3.68	0.49			
4. Kemahiran insaniah	Lelaki	3.36	0.46	5.79	0.017*	0.02
	Perempuan	3.22	0.39			

lebih tinggi daripada kemahiran insaniah pelajar perempuan ( $M = 3.22$ ;  $SP = 0.39$ ) secara signifikan  $p < 0.05$ .

*Hubungan Struktural Antara Pendekatan Pembelajaran (Luaran, Dalaman Dan Berstrategi) Dengan Kemahiran Insaniah Setelah Faktor Gender Dikawal*

Rajah 1 di bawah menjelaskan ringkasan anggaran parameter bagi model struktural iaitu bagaimana pendekatan pembelajaran (luaran, dalaman dan berstrategi) berhubungan dengan kemahiran insaniah. Penilaian ke atas model tersebut menunjukkan kesepadanan yang munasabah bagi model cadangan. Nilai  $\chi^2/df = 2.41$ ,  $CFI = .86$ ;  $GFI = .92$ ;  $RMSEA = .07$  (kurang daripada .08) (Browne & Cudeck, 1993),  $RMR = .02$  menunjukkan kesepadanan antara model dengan data.

Berdasarkan model struktural di dalam Rajah 1, dua daripada tiga koefisien laluan yang dianggarkan dalam model tersebut menunjukkan laluan yang signifikan. Pendekatan berstrategi ( $\beta = .63$ ;  $t = 2.89$   $p < 0.01$ ) mempunyai hubungan yang signifikan positif dengan kemahiran insaniah. Ini bermakna semakin tinggi pendekatan berstrategi semakin tinggi kemahiran insaniah. Pendekatan luaran mempunyai hubungan yang signifikan negatif dengan kemahiran insaniah ( $\beta = -.20$ ;  $t = -2.45$   $p < 0.05$ ). Semakin tinggi kemahiran luaran, semakin rendah kemahiran insaniah. Walau bagaimanapun, tiada hubungan yang signifikan di antara pendekatan dalaman dengan kemahiran insaniah ( $\beta = -.02$ ;  $t = 1.32$   $p > 0.05$ ). Rajah 1 mempamerkan model stuktural akhir yang menerangkan kemahiran insaniah sebanyak 46% varians ( $R^2 = .46$ ) (Squared Multiple Correlation).


PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Penelitian ini telah berusaha untuk mengenal pasti pendekatan pembelajaran yang diamal oleh pelajar disiplin Pengajian Islam khususnya, untuk menilai hubungan struktural antara pendekatan pembelajaran dan kemahiran insaniah.

Kajian ini memberi perspektif yang agak berlainan di mana rata-rata kajian lain telah banyak menghubungkan pendekatan pembelajaran dengan pencapaian akademik (Ladan, Balarabe, Sani, Musa, Salihu & Salihu, 2014; Byrne, Flood & Willis, 2002). Kajian yang bersandarkan sebahagian daripada Model 3Ps Biggs (1999) ini mendapati pendekatan pembelajaran pelajar sebenarnya berkait rapat dengan pembangunan kemahiran insaniah yang sangat diperlukan oleh bakal graduan IPT. Kajian ini juga menyokong teori pendekatan pembelajaran yang mencadangkan pendekatan pembelajaran menjurus kepada hasil (outcome) yang berbeza-beza.

Model yang dicadangkan dalam kajian ini menunjukkan hanya pendekatan berstrategi yang telah menyumbang kepada kemahiran insaniah pelajar ( $R^2 = 0.46$ ) secara signifikan positif manakala pendekatan luaran menyumbang secara signifikan tetapi negatif terhadap kemahiran insaniah. Sebaliknya, pendekatan dalaman tidak memberi apa-apa sumbangan. Dapatan ini bertentangan dengan kajian oleh Saemah dan Seri Bunian Mokhtar (2012) yang mengkaji pertalian antara iklim pembelajaran dengan kemahiran generik dan mendapati pendekatan dalaman mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran generik pelajar politeknik yang dikaji mereka. Kedua-dua pengkaji juga memberi saranan agar pendekatan dalaman seharusnya diberi perhatian untuk menyuburkan pembangunan kemahiran generik dalam kalangan pelajar terbabit. Namun, dalam kajian mereka, Saemah dan Seri Bunian (2012) hanya mengkaji dua jenis pendekatan pembelajaran sahaja, iaitu dalaman dan luaran. Walau bagaimanapun, kajian di luar negara oleh Gibels, Van de Watering, Dochy dan Van den Bossche (2005) menemukan tiada hubungan yang signifikan antara pendekatan pembelajaran luaran atau dalaman dengan kemahiran menyelesaikan masalah yang juga merupakan cabang kepada kemahiran insaniah.

Penjelasan kepada laluan koefisien yang tidak signifikan antara pendekatan dalaman dengan kemahiran insaniah di dalam kajian ini berkemungkinan ada pertalian dengan pendekatan pembelajaran ketiga iaitu pendekatan berstrategi. Pelajar yang mempamerkan ciri-



Nota: ----- laluan tidak signifikan      ————— laluan signifikan

RAJAH 1. Model Struktural

ciri pendekatan berstrategi sebenarnya ialah mereka yang juga menggunakan pendekatan dalaman tetapi terancang. Antaranya, mencari dan mengulangkaji berdasarkan kertas soalan lepas, mengorganisasikan nota, mengambil nota dengan baik, sedar tentang skema pemarkahan dan kriteria yang digunapakai untuk penilaian yang akhirnya menjurus kepada markah yang baik, sekaligus menyumbang kepada kemahiran insaniah. Menurut Entwistle (2000), pelajar berstrategi ini terarah kepada mencapai kandungan akademik (pendekatan dalaman) dan menuntut sistem penilaian. Sebenarnya, ciri-ciri ini merupakan ciri-ciri pelajar yang oportunistik dalam pembelajaran mereka dan mungkin ciri-ciri oportunistik inilah yang dicari oleh bakal majikan dalam dunia pekerjaan. Secara tidak langsung, pelajar seumpama ini sebenarnya mempunyai motivasi intrinsik dalam diri mereka berbanding pelajar yang menggunakan pendekatan luaran (bermotivasi ekstrinsik).

Analisis kajian turut menemukan dapatan kemahiran insaniah pelajar-pelajar disiplin Pengajian Islam masih di tahap sederhana dan banyak yang perlu dilakukan oleh samada pelajar atau institusi bagi menyuburkan kemahiran insaniah dalam kalangan mereka. Walaupun Billing (2007) berpendapat bahawa kemahiran insaniah boleh dipindahkan, membimbing para pelajar untuk membentuk kemahiran tersebut bukanlah dapat dibuat sekelip mata kerana ianya melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perubahan sikap, nilai dan ilmu pengetahuan (Nabilah, 2012). Sehubungan itu, pembelajaran kooperatif dan pembelajaran berasaskan pelajar dan masalah seperti yang dicadangkan oleh Hussein, Berhannudin, Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, dan Abdullah (2008) serta Nor Aziah, Zuaini dan Wan Nordin (2011) merupakan strategi instruksional yang boleh dilanjutkan dalam kelas bagi mempertingkatkan kemahiran tersebut. Kemahiran insaniah juga boleh dipertingkatkan melalui latihan dan bukan melalui kuliah dan syarahan semata mata (Woods, Hrymark, Marshall, Wood, Crowe, Hoffman, Wright, Taylor, Woodhouse, & Bouchard, 1997) seperti yang banyak terjadi dalam kelas-kelas guru Pendidikan Islam (Zaiton & Hishamuddin, 2012).

Kajian ini juga mendapati pendekatan pembelajaran yang dipegang oleh pelajar ialah pendekatan dalaman diikuti oleh pendekatan berstrategi dan luaran. Dapatan ini seiring dengan dapatan kajian oleh Hanin Naziha, Zaiton dan Norshidah (2013) yang mengkaji pelajar-pelajar International Education College, UiTM Shah Alam dan mendapati responden kajian telah mengunapakai pendekatan dalaman, berstrategi dan luaran, mengikut tertib. Kajian berbentuk kualitatif oleh Green (2007) yang melihat perbezaan amalan pelajar yang mengunapakai pendekatan luaran dan dalaman mendapati pelajar yang mempraktikkan pendekatan luaran kekurangan elemen kemahiran insaniah seperti rendah keyakinan. Oleh itu, wajarlah kemahiran insaniah ini diselitkan di dalam setiap matapelajaran sejak dari tahun pertama seiring dengan penggunaan pendekatan pembelajaran yang sesuai iaitu

sama ada pendekatan dalaman atau pun berstrategi. Ramsden (1992) pula telah menegaskan bahawa tidak mungkin pelajar dilatih untuk mengunapakai pendekatan dalaman jika iklim pembelajaran memberi ganjaran kepada pendekatan luaran. Ini bermakna, jika pensyarah membuat penilaian yang sangat membebaskan pelajar sekaligus memberi tekanan kepada mereka, akibatnya pelajar tersebut akan terdorong untuk mengunapakai pendekatan luaran. Wilding dan Andrews (2006) percaya bahawa kesan penggunaan pendekatan luaran bergantung kepada motif penggunaannya. Gijbels, Van de Watering, Dochy, dan Van den Bossche (2005) menyalahkan sistem penilaian/peperiksaan yang mengakibatkan pelajar memilih pendekatan luaran. Ini kerana penilaian yang memihak kepada hafalan boleh menjurus kepada kecenderungan untuk memilih pendekatan penghasilan semula (reproduction) iaitu pendekatan luaran.

Sehubungan itu, amalan strategi instruksional dan sistem penilaian pelajar harus diteliti oleh para pensyarah di IPT berteraskan Islam ini. Menurut Saemah dan Seri Bunian (2012), sebagai langkah pertama ke arah ini adalah dengan melihat di mana wujudnya korelasi di antara persepsi pelajar dengan pendekatan pembelajaran pelajar-pelajar tersebut. Jika perkara-perkara yang wujud dalam suasana persekitaran pelajar itu sendiri seperti penilaian yang bersesuaian, sumber peralatan pembelajaran yang baik, dan matlamat pembelajaran yang jelas dapat diperbaiki, kemungkinan pelajar dapat didorong untuk mengunapakai pendekatan yang berstrategi (seperti yang dicadangkan di dalam model struktural kajian) demi meningkatkan kemahiran insaniah, sekaligus melonjakkan kebolehpasaran diri masing-masing.

Menelusuri data daripada kajian di atas khususnya daripada sudut gender, pelajar perempuan didapati mempunyai kecenderungan untuk memegang pendekatan pembelajaran luaran berbanding lelaki dan mereka juga didapati mempunyai kemahiran insaniah yang lebih rendah. Ini dibuktikan melalui analisis multivariat yang dijalankan. Kecenderungan memilih pendekatan luaran ini telah dijelaskan oleh Severians dan Dam (1994) yang mendakwa pelajar perempuan belajar sekadar untuk belajar dengan menghasilkan semula apa yang dipelajari dan akhirnya menjejaskan kemahiran insaniah mereka. Keadaan ini memerlukan langkah proaktif daripada setiap warga pendidik pengajian tinggi kerana rata-rata komposisi pelajar perempuan di IPT lebih ramai daripada lelaki (Tienxhi, 2017). Iklim pembelajaran untuk pelajar perempuan yang membina minat mendalam terhadap pembelajaran seharusnya dibajai kerana menurut Warburton (2003), pendekatan dalaman yang akhirnya menjurus kepada kemahiran insaniah yang tinggi memerlukan komitmen dan motivasi yang tinggi. Dengan menggalakkan pendekatan dalaman dan berstrategi dapat mengurangkan kecenderungan ke arah kemahiran luaran. Kajian akan datang seharusnya melihat kesan jangka panjang ke atas pelajar perempuan jika iklim pembelajaran diperbaiki. Oleh itu, pelajar disiplin Pengajian Islam khususnya pelajar

perempuan harus berusaha menguasai bidang masing-masing dan berusaha mempertingkatkan kemahiran insaniah jika ingin relevan dalam dunia pekerjaan masa kini yang semakin kompetitif sifatnya.

#### RUJUKAN

- Ab. Rahim, B., Shamsiah, M., & Ivan, H. (2007). Employability skills: Malaysian employers' perspectives, *The International Journal of Interdisciplinary Social Sciences*, 2 (1), 263-274.
- Ahmed, M., Ahmed, S., Waheed, A., Shoaib, M., & Khan, M. (2014). Impacts of demographics on business students' learning. *European Journal of Business and Social Sciences*, 3(8), 64-77.
- Ambreen Ahmed., & Nawaz Ahmad. (2017). Comparative analysis of rote learning on high and low achievers in graduate and undergraduate programs. *Journal of Education and Educational Development*, 4(1), 111-129.
- Bandalos, D. L. (2002). The effects of item parceling on goodness of fit and parameter estimate bias in structural equation modeling. *Structural Equation Modeling*, 9(1), 78-102.
- Bentler, P. M. (1990). Comparative fit indexes in structural models. *Psychological Bulletin*, 107, 238-246.
- Biggs, J. B. (1979). Individual differences for study processes and the quality of learning outcomes. *Higher Education*, 8, 381-394.
- Biggs, J. B. (1987). *Students approaches to learning and studying*. Hawthorn: Australian Council for Educational Research.
- Biggs, J. B. (1992). *Why and how do Hong Kong students learn? Using the Learning and Study Process Questionnaires (Education paper No. 14)*. Hong Kong: Faculty of Education, The University of Hong Kong.
- Billing, D. (2007). Teaching for transfer of core/key skills in higher education: cognitive skills. *Higher Education*, 53, 483-516.
- Brown, T. A. (2006). *Confirmatory factor analysis for applied research*. New York: The Guilford Press.
- Browne, M. W., & Cudeck, R. (1993). Alternative ways of assessing model fit. In K.A. Bollen, & J.S. Long (eds.) *Testing structural equation models* (ms. 136-162). Beverly Hills, CA: Sage.
- Byrne, M., Flood, B., & Willis, P. (2002). The relationship between learning approaches and learning outcomes: a study of Irish accounting students, *Accounting Education*, 11(1), 27-42.
- Chamorro-Permuizic, Furnham, (2008). Personality, Intelligence and Approaches to Learning as Predictors of Academic Performance. *Personality and Individual Differences*, 44 (7):1596-1603.
- Craik, F. I. M., & Lockhart, R.S. (1972). Levels of processing: A framework for memory research. *Journal of Verbal Learning and Verbal Behavior*, 11, 671-684.
- Dev, P.C. (1997). Intrinsic motivation and academic achievement: An attachment theory perspective. *Journal of Personality and Social Psychology*, 66, 369-378.
- Duff, A. (1997). A note on the reliability and validity of a 30-item version of Entwistle & Tait's Revised Approaches to Studying Inventory. *British Journal of Educational Psychology*, 67, 52-539.
- Duff, A. (2015). Access policy and approaches to learning. *Accounting Education*, 8(2), 99-110.
- Duff, A., Boyle, E., Dunleavy, K., & Ferguson, J. (2004). The relationship between personality, approach to learning and academic performance. *Personality and Individual Differences*, 36, 1907-1920.
- Dunkin, M. J., & Briddle, B. J. (1974). *The study of teaching*. New York: Holt, Rinehart and Wilson, Inc.
- Ebel, R. (1999). *Encyclopedia of Educational Research*. Toronto: Engros.
- Fenollar, P., Roman, S., & Cuestas, P. J. (2007). University students' academic performance: an integrative conceptual framework and empirical analysis. *British Journal of Educational Psychology*, 77, 873-891.
- Fung, L. Y. (2010). A study on the learning approaches of Malaysian students in relation to English language acquisition. *American Journal of Scientific Research*, 9, 5-11.
- Entwistle, N.J. (2000). Promoting deep learning through teaching and assessment: conceptual framework and educational contexts. *Kertas kerja dibentang di TLRP Conference, Leicester, November*.
- Entwistle, N. J., & Ramsden, P. (1983). *Understanding Student Learning*. London: Croom Helm.
- Gijbels, D., Van de Wattering, G., Dochy, F., & Van den Bossche, P. (2005). The relationship between students' approaches to learning and the assessment of learning outcomes. *European Journal of Psychology of Education*, 20(4), 327-341.
- Green, W. (2007). Write on or write off? An exploration of Asian international students' approaches to essay writing at an Australian university. *Higher Education Research & Development*, 26(3), 329-344.
- Gurian, M. & Stevens, K. (2004). With boys and girls in mind. *Educational Leadership*, 62(3), 21-26.
- Gurvinder Kaur, G.S. & Sharan Kaur, G.S. (2008). Malaysian graduates' employability skills, *UNITAR e-Journal*, 4(1), 14-44.
- Hair, J. F., Black, W.L., Babin, B., Anderson, R.E., & Tatham, R.L. (2006). *Multivariate data analysis* (6<sup>th</sup> ed). Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall International, Inc.
- Hanin Naziha Hasnor, Zaiton Ahmad, & Norshidah Nordin. (2013). The relationship between learning approaches and academic achievement among Intec Students, Uitm, Shah Alam, *Social and Behavioural Sciences*, 90, 178-186.
- Hassal, J. & Joyce, J. (2001). Approaches to learning of management accounting students, *Education and Training*, 43(3), 145-152.
- Holland, J. L. (1973). *Making vocational choices: A theory of careers*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Hu, L., & Bentler, P.M. (1999). Cutoff criteria for fit indexes in covariance structure analysis: conventional criteria versus new alternatives. *Structural Equation Modeling*, 6(1), 1-55.
- Hussain Othman, Berhannudin Mohd Salleh, Syed Muhammad Dawilah al-Edrus Syed Abdullah, & Abdullah Sulaiman, (2008). Pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman (PBL dan POPBL) bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. *Kertas kerja dibentang dalam Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS)*, 18-19 Ogos, 2008, Hotel Mahkota, Melaka.
- Jones, C and Hassall, T. (1997) Approaches to learning of first year accounting students: some empirical evidence. In G. Gibbs and C. Rust (eds.) *Improving Student Learning*



- through Course Design, pp. 431–38. Oxford: The Oxford Centre for Staff and Learning Development
- Kamarul Md Shah, Farah Mukhtar, Hasnah Abdullah, Manoriza AbdulMalek, & Zairiniah Mohd Shukur. (2017). Kemahiran generik dan pencapaian akademik dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 69-75.
- Koh, M.Y. and Koh, H.C. (1999) The determinants of performance in an accountancy degree programme. *Accounting Education: An International Journal* 8(1), 13-29.
- Kolb, D. A. (1993). *Self-Scoring Inventory and interpretation booklet*. Revised Edition. Boston: Hay McBer.
- Kwok D. C., & Lytton, H. (1996). Perceptions of mathematics ability versus actual mathematics performance: Canadian and Hong Kong Chinese Children. *British Journal of Educational Psychology*, 66, 209-222.
- Ladan, M. A., Balarabe, F., Sani, D. K., Musa, H. A., Salihu, A. A., & Salihu, M. A. (2014). Learning approaches as predictors of academic performance of undergraduate students in Ahmadu Bello University, Zaria, *IOSR Journal of Nursing and Health Sciences*, 3(4), 45-50.
- Lie, L. Y., Angelique, L., & Cheong, E. (2004). How do male and female students approach learning at NUS. *CDTL Brief*, 7(1), 1-3.
- Lizzio, A., Wilson, K., & Simons, R. (2002). University students' perceptions of the learning environment and academic outcomes: implications for theory and practice. *Studies in Higher Education*, 11, 253-388.
- Kementerian Pengajian Tinggi (n.d). *The National Graduate Employability Blueprint 2012-2017*.
- Kolb, D. A. 1973. *Learning style inventory: Technical manual*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Marton, F. & Saljo, R. (1976). On qualitative differences in learning, outcome and process. *British Journal of Educational Psychology*, 46, 4-11.
- Marton, F. (1976). What does it take to learn? Some implications of an alternative view of learning. Dalam N. J. Entwistle (Ed.). *Strategies for research and development in higher education* (pp. 200-222). Amsterdam: Swets and Zeitlinger.
- Mayya, Rao, Ramnarayana (2014). Mboya, M. M. (1993). Self-concept of academic ability: Relations with gender and academic achievement. *Perceptual and Motor Skills*, 77, 1131-1137.
- Mohammad, A., Zurina, Z., & Nursilah, A. 2007. Employability of Islamic Studies Graduate in Malaysia, Nilai: USIM.
- Mohd Hasril, Isma Atiqah Ngadiran1, Fathin Liyana Zainudin, & Norhayati Ngadiman. (2016). Tahap kemahiran generik pelajar Malaysia dalam proses pengajaran dan pembelajaran: Kajian kes pelajar Institut Kemahiran Mara, Johor Baharu, *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 12(2), 111-121.
- Nabilah Hashim. (2012). Peranan pendekatan pembelajaran sebagai pengantara hubungan antara keberkesanan pengajaran guru dengan pemikiran kritis dan kemahiran insaniah. Tesis PhD tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- New Straits Times (2016). Malaysian graduates' employability rate rises to 77.2 percent. 7 Disember 2016.
- Nobel, C., Brown, J. & Murphy, J. (2001). *How to raise boys' achievement*. London: David Fulton Publishers.
- Nor Aziah Abdul Manaf, Zuaini Ishak, & Wan Nordin Wan Hussin. (2011). Application of Program-based learning (PBL) in course of Financial Accounting Principles, *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 8, 21-47.
- Nurita, J., Fatimah, P., Noor Akmar, O., & Hanifah, M. (2010). Factors influencing internal and external employability of employees. *Business and Economics Journal*, 1-10.
- Rahimah Haji Ahmad. (1998). Educational development and reformation in Malaysia: Past, present and future. *Journal of Educational Administration*, 36(5), 462-475.
- Ramsden, P. (1992). *Learning to teach in higher education*. London: Routledge.
- Ramsden, P., & Entwistle, N. J. (1981). Effects of academic department on students' approaches to studying. *British Journal of Educational Psychology*, 51, 368-383.
- Razali Shahabudin. (2009). Persepsi majikan terhadap graduan Pengajian Islam. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pengajian Islam. Bangi. UKM.
- Richardson, J. T. E., & Dawson, L., Sadlo, G., Jenkins, V., & Mcinnes, J. (2007). Perceived academic quality and approaches to studying in the health professions. *Medical Teacher*, 29, 108-116.
- Rosnani Hashim. (2004). *Educational dualism in Malaysia (2<sup>nd</sup> ed.)*. Petaling Jaya: The Other Press.
- Saemah & Seri Bunian. (2012). Structural relationship of learning environment, learning approaches, and generic skills among Engineering students, *Asian Social Science*, 8(13), 280-289.
- Schumacker, E. R., & Lomax, G. R. (1996). *A beginner's guide to structural equation modeling*. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Severians, S. E. & Dam, G. (1994). Gender differences in learning styles: A narrative review and quantitative meta analysis, *Higher Education*, 27(4), 487-501.
- Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin. (2006). *Kerangka Kelayakan Malaysia*. Lembaga Akreditasi Negara.
- Star Online. (2018). Idris: Graduate Employability Improving. 22 Februari, 2018.
- Sternberg, R. J. 1988. Mental self-government: A theory of intellectual styles and their development. *Human Development*, 31, 197-224.
- Stipek, D., Feiler, R., Daniels, D., & Milburn, S. (1995). Effects of different instructional approaches on young children's achievement and motivation. *Child Development*, 66, 209-223.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2007). *Using multivariate statistics (5th ed.)*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Tienxhi, J.K. (2017). The gender gap in Malaysian Public Universities: examining the "lost boys." *Journal of International and Comparative Education*, 6(1), 1-16.
- Warburton, K. (2003). Deep learning and education for sustainability. *International Journal of Sustainability in Higher Education*, 4(1), 44-56.
- Wilding, J. Andrews, B. (2006). Life goals, approaches to study and performance in an undergraduate cohort. *British Journal of Educational Psychology*, 76, 171-182.
- Wilson, K. L. & Lizzio, A. (1997). The development validation and application of the course experience questionnaire. *Studies in Higher Education*, 22(1), 33-52.
- Woods, D. R., Hrymark, A. N., Marshall, R. R., Wood, P. E., Crowe, C.M., Hoffman, T. W., Wright, J. D., Taylor, P. A., Woodhouse, K. A., & Bouchard, C. G. K. (1997). Developing problem solving skills: The McMaster problem solving program. *Journal of Engineering Education*, 86(2), 75-92.
- Zaiton Mustafa, & Hishamuddin Salim. (2012). Factors affecting students' interest in learning Islamic Education. *Journal of Education and Practice*, 3(13), 81-86.

Zamri Mahamod, & Noor Syazwani Ronia. (2013). Tahap kemahiran generik pelajar dalam pembelajaran Kesusasteraan Melayu. *Jurnal Teknologi*, 64(1), 17-21.

Sharifah Azizah Syed Sahil\*  
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic  
University  
Kuala Ketil  
Kedah Darul Aman  
Email: drsharifah@unishams.edu.my

Haslinawati Hassan  
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic  
University  
Kuala Ketil  
Kedah Darul Aman  
Email: haslinawati@unishams.edu.my

Pengarang untuk surat-menyurat, e-mail: drsharifah@unishams.edu.my

Diserahkan: 22 Mei 2018  
Diterima: 8 Ogos 2018